



مجلس دائرة تانه ميره

MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan bertaraf **Tetap / Contract of Service** di Majlis Daerah Tanah Merah dan keutamaan adalah kepada **Anak Negeri Kelantan**.

BIL	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN
1.	PEMBANTU PENGUAT KUASA	KP1	2
2.	PEMBANTU KESIHATAN AWAM	U1	1

SYARAT – SYARAT KELAYAKAN

Syarat – syarat dan kelayakan bagi setiap jawatan kosong boleh didapati dengan melayari laman web atau Facebook Rasmi Majlis Daerah Tanah Merah iaitu:-

Laman Web: <https://mdtanahmerah.gov.my>

Facebook: <https://www.facebook.com/mdtanahmerah>

CARA PERMOHONAN SERTA MENDAPATKAN BORANG

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong yang boleh didapati di Kaunter Hasil, Bahagian Perbendaharaan Majlis Daerah Tanah Merah dengan bayaran **RM 3.00 bagi setiap satu borang**.

TARIKH IKLAN: 12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 31 DISEMBER 2024 (SELASA)



**MAJLIS DAERAH TANAH MERAH
17500 TANAH MERAH
KELANTAN**

**IKLAN JAWATAN KOSONG
MAJLIS DAERAH TANAH MERAH**

NAMA JAWATAN	: PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U1
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
TARAF JAWATAN	: TETAP / CONTRACT OF SERVICE

JADUAL GAJI GRED U1

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	ITKA	ITP	BSH	KGT
U1	RM 1,500.00	RM 4,680.00	RM 115.00	RM 300.00	RM 200.00	RM 100.00

1. SYARAT LANTIKAN:

Calon – calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan jawatan; dan
- c)
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)
(Gaji permulaan ialah pada Gred U1: RM1,500.00); ATAU
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred U1: RM1,561.00)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pengawalan dan pencegahan dalam program kebersihan alam sekeliling, kebersihan dan keselamatan makanan serta kawalan penyakit berjangkit yang berkaitan dengan tugasnya dengan menggunakan kaedah/ pendekatan kesihatan primer (Control and Prevention & Primary Health Care Approach)

4. CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong di Pejabat Majlis Daerah Tanah Merah, Kelantan dan bayaran **RM 3.00** akan dikenakan bagi **satu (1) Borang Jawatan Kosong**. Borang permohonan akan mulai dikeluarkan pada 12 Disember 2024 hingga 31 Disember 2024 (8.30 pagi – 4.30 petang).
2. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar ukuran passport terkini, salinan kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil – sijil akademik dan sijil berkaitan perlu **DISAHKAN** oleh Pegawai Kerajaan Gred A dan ke atas.
3. Pemohon – pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
4. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:-

**YABRS. TUAN YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TANAH MERAH
17500 TANAH MERAH
KELANTAN DARUL NAIM
(u.p. Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia)**

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 DISEMBER 2024 (SELASA)



**MAJLIS DAERAH TANAH MERAH
17500 TANAH MERAH
KELANTAN**

**IKLAN JAWATAN KOSONG
MAJLIS DAERAH TANAH MERAH**

NAMA JAWATAN	:	PEMBANTU PENGUATKUASA KP1
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM (KP)
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	TETAP / CONTRACT OF SERVICE

JADUAL GAJI

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	ITKA	ITP	BSH	KGT
KP1	RM 1,500.00	RM 4,680.00	RM 115.00	RM 300.00	RM 200.00	RM 100.00

1. SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan jawatan; dan
- c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(Gaji permulaan Gred KP1: RM 1,500.00) ATAU
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan
(Gaji permulaan Gred KP1: RM 1,500.00) ATAU
 - (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat konstabel atau prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan Gred KP1: RM 1,500.00) ATAU

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan Gred KP1: RM 1,561.00) ATAU
- (v). Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sijil kemahiran Malaysia tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan Gred KP1 : RM1,622.00) DAN

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :

- i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa Sepatu;
- ii. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- iii. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 sehingga 26;
- iv. Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- v. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- vi. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vii. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(ii), 1(c)(iv) dan 1(c)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong di Pejabat Majlis Daerah Tanah Merah, Kelantan dan bayaran **RM 3.00** akan dikenakan bagi **satu (1) Borang Jawatan Kosong**. Borang permohonan akan mulai dikeluarkan pada 12 Disember 2024 hingga 31 Disember 2024 (8.30 pagi – 4.30 petang).
2. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar ukuran passport terkini, salinan kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil – sijil akademik dan sijil berkaitan perlu **DISAHKAN** oleh Pegawai Kerajaan Gred A dan ke atas.
3. Pemohon – pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
4. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:-

**YABRS. TUAN YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TANAH MERAH
17500 TANAH MERAH
KELANTAN DARUL NAIM
(u.p. Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia)**

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 DISEMBER 2024 (SELASA)